

Teori Kriminologi Labeling dan Evolusi Penjenamaan Semula 'Mat Rempit' Di Malaysia

Zalmizy Bin Hussin
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang, malaysia
Email: zalmizy@gmail.com

Abstrak

Menunggang motosikal merupakan aktiviti rekreasi bagi sesetengah individu di masa lapang. Namun, kini aktiviti menunggang motosikal telah menjadi suatu sub-budaya devian bagi sesetengah yang lain. Di Malaysia, kita sering mendengar penglibatan penunggang motosikal dalam perlumbaan haram. Seringkali penunggang motosikal yang berlumba haram dikenal pasti terdiri daripada golongan remaja yang mencari *adventure* dan adalah *risk takers*. Sehubungan itu, sesetengah remaja di Malaysia cenderung dilihat sebagai golongan yang sering dikaitkan atau terlibat dalam fenomena sosial yang menjurus kepada reaksi negatif masyarakat terhadap mereka. Satu fenomena perlumbaan motosikal haram ini terkenal di Malaysia dengan panggilan 'Mat Rempit'. Terma 'Mat Rempit' di Malaysia bermaksud individu yang menyertai perlumbaan haram menggunakan motosikal berkuasa kecil seperti kapcai atau skuter yang di ubah suai tanpa kelulusan dari pihak berkuasa (Rozmi Ismail, 2004/2005). Beberapa dekad yang lepas mereka yang terlibat dalam perlumbaan yang laju, tanpa mengikut adab jalan raya dan dipanggil pelumba haram. Mereka ini tidak mengganggu orang awam. Selepas beberapa tahun, fenomena lumba haram ini melalui evolusi nama dan kegiatan mereka. Nama 'Mat Rempit' mula diperkenalkan dan sudah pasti nama ini sinonim dengan aksi ganas mereka ketika beraksi di jalan raya. Masyarakat kita memang terkenal dengan label-melabel. Jika diimbas kembali pada masa dulu heboh



dengan gejala remaja perempuan yang suka berpelesaran dan dinamakan 'Bohsia' manakala bagi 'jantan' pula dipanggil 'Bohjan'. Kini, wujud pula 'label' Mat Rempit, dan gelaran ini sememangnya bersesuaian dengan tingkah laku mereka yang melanggar norma-norma masyarakat. Kertas kerja ini bertujuan untuk melihat tingkah laku jenayah 'Mat Rempit' dari perspektif teori labeling yang dikemukakan oleh ahli kriminologi. Selain itu, kertas kerja ini juga akan melihat evolusi nama panggilan

'Mat Rempit' dan penjenamaan semula nama 'Mat Rempit' sebagai satu usaha menangani gejala tingkah laku agresif dalam kalangan mereka.

Kata kunci: Teori label, penjenamaan semula, 'mat rempit', 'samseng jalanan'

1. Pengenalan

Teori Label timbul pada awal tahun 1960-an dan banyak dipengaruhi aliran Chicago. Berbanding dengan teori lain, teori label mempunyai beberapa tujuan, iaitu:

- a) teori label, satu cabang teori sebelumnya. Walau bagaimanapun, teori ini menggunakan perspektif baru dalam kajian jenayah dan penjenayah,
- b) menggunakan kaedah baru untuk menyiasat jenayah, menggunakan kaedah temu bual dengan pesalah telah tidak ditangkap polis atau tidak diketahui.

Pada dasarnya, teori label dikaitkan dengan buku *Crime and the Community* dari **Frank Tannenbaum** (1938). Kemudian dikembangkan oleh **Howard Becker** (*The Outsider*, 1963), **Kai T. Erikson** (*Notes on the Sociology of Deviance*, 1964), **Edwin Lemert** (*Human Deviance Social Problem and Social Control*, 1967) dan **Edwin Schur** (*Labeling Deviant Behavior*, 1971). Dari perspektif **Howard S. Becker**, kajian terhadap teori label menekankan kepada dua aspek, iaitu :

- a) Menjelaskan tentang mengapa dan bagaimana seseorang tertentu diberi cap atau label.
- b) Pengaruh atau kesan daripada label sebagai suatu akibat penyimpangan tingkah laku.

Gambar 1: Kitaran pelabelan terhadap seseorang berdasarkan teori label.

Pelabelan terhadap seseorang berlaku pada masa atau waktu ketika melakukan aksi, siapa yang melakukan dan siapa mangsanya serta persepsi masyarakat terhadap akibat tindakan. Apabila dinyatakan, secara berperingkat andaian asas teori label meliputi aspek-aspek:

- a) Tidak ada satupun perbuatan yang pada dasarnya bersifat jenayah.
- b) Perumusan kejahatan dilakukan oleh kumpulan yang bersifat dominan atau kumpulan berkuasa.

- c) Penerapan peraturan tentang kejahatan dilakukan untuk kepentingan pihak yang berkuasa.
- d) Orang tidak menjadi penjenayah kerana melanggar undang-undang, tetapi kerana ditetapkan demikian oleh penguasa.
- e) Pada dasarnya semua orang pernah melakukan kejahatan, sehingga tidak patut jika dibuat dua kategori, iaitu jahat dan orang tidak jahat.

Pemberian sifat label adalah merupakan punca seorang menjadi agresif. Dua aspek yang perlu diperhatikan, dalam proses pemberian label pada 'Mat Rempit':

- a) Adanya label akan menimbulkan perhatian masyarakat terhadap orang yang diberi label. Hal ini akan menyebabkan masyarakat di sekitarnya terus memperhatikan orang yang diberi label tersebut.
- b) Adanya label, mungkin akan diterima oleh individu tersebut yang diletakkan pada dirinya.

Secara rumusannya, teori label dalam pendekatannya adalah untuk mengetahui faktor-faktor penyebab terjadinya sesuatu tingkah laku menyimpang dapat dibezakan dalam dua aspek:

- a) Pertama, persoalan tentang bagaimana dan mengapa seorang memperoleh cap atau label,
- b) Kedua, kesan pelabelan terhadap penyimpangan tingkah laku seterusnya.

1.1 Definisi Teori label

Label adalah merupakan satu identiti yang diberikan kepada seseorang individu berdasarkan ciri-ciri yang dianggap minoriti oleh suatu kelompok masyarakat. Label cenderung diberikan pada orang yang mempunyai tingkah laku menyimpang yang tidak sesuai dengan norma di masyarakat. Seseorang yang diberi label telah mengalami perubahan peranan dan cenderung akan berlaku seperti label yang diberikan kepadanya. Seseorang yang diberi label berusaha menghilangkan label yang diberikan, tetapi akhirnya mereka cenderung melakukan tingkah laku menyimpang yang lain kerana tidak dapat mempertahankan sikap terhadap label yang diberikan kepadanya (Martine, 2008). Teori label disebut juga teori pelabelan atas tingkah laku menyimpang yang sering digunakan masyarakat terhadap penyelewengan. Pandangan tentang penentuan situasi (*definition of the situation*) digunakan untuk menyatakan bahawa jika individu atau kelompok disebut menyimpang, akan ada kesan-kesan yang tidak dijangka pada tahap tingkah lakunya (Turner, 2010).

Pada dasarnya, teori ini menekankan sejauh mana sesuatu tingkah laku itu dikatakan atau dilabel sebagai devian dan apakah pengaruhnya pada kelakuan seseorang itu. (Howard S. Becker, 1963: 137). Tingkah laku melencong itu disebabkan seseorang itu dilabel begitu. Tindakan melabelkan seseorang sebagai melakukan devian akan membawa kepada kenyataan ataupun ramalan penyempurnaan sendiri. Contohnya, seorang individu dilabel sebagai 'Mat Rempit' kerana melakukan aksi-aksi yang membahaya dan mengganggu pengguna lain. Dia mungkin sukar diterima masyarakat apabila tingkah laku abnormal itu semakin parah dan dibenci oleh orang ramai. Keadaan ini menyebabkan dia terus melakukan tingkah laku tersebut dan terlibat dengan kes jenayah kekerasan yang lain.

Kesan melabel mewujudkan satu 'stigma' iaitu satu cap atau tanda buruk yang terletak kepada orang yang devian. Mereka dianggap sering melakukan perlakuan devian pada

pandangan umum. Masyarakat juga cuba mengelak daripada berinteraksi dan menghukum mereka. Jadi aspek penting dalam teori ini adalah ada sebahagian kelompok lain. Kelompok yang berkuasa ini menentukan apa yang dianggap devian dan apa yang tidak. Oleh itu, perlakuan devian dinilai daripada segi kesan atau akibat tingkah laku kepada orang lain.

2. 'Mat Rempit' dan Evolusi Pelabelan

Pelbagai kejadian jenayah baru-baru ini yang dikaitkan dengan mereka yang dikatakan 'Mat Rempit' telah menyebabkan pihak berkuasa menggandakan usaha menangani gejala mat rempit ini. Gejala tersebut, berdasarkan tangkapan yang dibuat, melibatkan ramai remaja Melayu lelaki yang beragama Islam. Adalah amat sedih apabila mengetahui situasi ini yang menggambarkan realiti sebenar permasalahan generasi muda Muslim kita. Gejala mat rempit kini bukan sekadar aksi tunggangan ekstrem di jalanan tetapi turut mengalami evolusi budaya yang turut merangkumi aspek penampilan seperti cara berpakaian, pertuturan serta pergaulan dan juga aspek dalaman yakni idealisme, kecenderungan serta nilai hidup.

Fenomena 'Mat Rempit' di Malaysia sering kali dikaitkan dengan pelbagai istilah yang merujuk kepada individu yang terlibat dalam tingkah laku memandu motosikal secara laju dan membahayakan diri dan orang awam. Fenomena ini seolah-olah mendapat nafas baru dengan gelaran 'Mat Rempit' setelah melalui pelbagai revolusi nama dan panggilan. Perkataan rempit sebenarnya diambil dari bahasa Inggeris '*ramp-it*' yang menggambarkan pelumba memeras minyak di jalan raya (litar) yang akhirnya menjadi nama jolokan rempit bagi kumpulan terlibat (Rozmi Ismail, 2004).

Gelaran 'Mat Rempit' sebenarnya adalah satu istilah yang dilabelkan oleh masyarakat kepada segelintir belia yang terbabit dalam aktiviti lumba haram dengan menggunakan motosikal kapcai atau berkuasa kecil. 'Mat Rempit' lebih banyak terdiri daripada golongan muda khususnya remaja lelaki yang berumur 15 hingga 28 tahun dan majoriti mereka adalah Melayu (Muhamad Fuad Abdul Karim et Al., 2009). Namun begitu, tidak semua 'Mat Rempit' terlibat dengan perlumbaan, tetapi ada juga yang menunggang motosikal secara merbahaya di jalan raya sehingga membahayakan pengguna jalan raya lain serta mengganggu ketenteraman awam (Samsudin, 2007).

Perbincangan mengenai istilah baru untuk menggantikan istilah 'Mat Rempit' turut mendapat tempat dalam membincangkan isu ini. Di negara Barat umpamanya, penggunaan istilah bagi individu yang terlibat dalam kegiatan ini disebut sebagai pelumba haram jalanan (*illegal street racing*), sedangkan di Malaysia sangat popular dengan nama panggilan 'Mat Rempit'. 'Mat Rempit' dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai *hell rider* (Rozmi Ismail, 2004: 1). Manakala 'Pembalap Haram' merupakan istilah yang dikenali di Indonesia (Muhamad Fuad Abdul Karim et al., 2009: 27). Walau bagaimana pun, fenomena 'Mat Rempit' di Malaysia sering kali dikaitkan dengan pelbagai istilah seperti 'mat motor', 'pelumba haram', 'budak racing', dan 'mat bodoh'.

Di negara luar pula, gelaran atau istilah yang digunapakai untuk kumpulan belia bermotorsikal ini berbeza berdasarkan persepsi masyarakat, kaum dan budaya sesebuah negara atau kawasan. Contohnya di Amerika terkenal dengan *Night Rider*, *Ghost Rider*, *Max Cam* dan sebagainya (Clark, 2005; Scott, 2005; McLaren, 2004; Woods, 2004). Penunggang-penunggang motosikal ini membentuk kumpulan, kelab dan persatuan-

persatuan berasaskan kepada minat dan kesukaan. Dalam hal ini pengkaji-pengkaji telah mengenalpasti wujudnya kelab motosikal yang dibahagikan kepada kelab konvensional dan devian (Barker, 2005; Barker & Human, 2009). Contoh, di Amerika Syarikat terdapat kelab atau geng motosikal yang dikenali sebagai the *Big Four* iaitu, *Hell Angels*, *Outlaws*, *Bandidos* dan *Pagan* yang dikatakan sebagai kelab *One Percenters* yang paling besar dan kekal bersifat radikal (*criminal*) (Barker, 2005), malah dikaitkan juga dengan jenayah terancang. Kumpulan penunggang motosikal yang menganggotai kelab atau geng sedemikian menonjolkan ciri atau sikap tidak akur kepada budaya arus perdana, taat setia kepada kumpulan, meraikan kebebasan dan terlibat dalam jenayah (Van den Eynde, 2007).

3. Penjenamaan Semula 'Mat Rempit' kepada 'Samseng Jalanan'

Penyelidik mendefinisikan 'Samseng Jalanan'¹² sebagai sekumpulan belia yang menunggang dan membonceng motosikal secara berkumpulan berkelakuan yang boleh membahayakan diri sendiri, pengguna jalan raya, sengaja melanggar hak-hak jalan raya yang ditentukan oleh syarak, dan perlakuan yang menyebabkan berlakunya perbuatan jenayah dan tingkah laku agresif. Sepatutnya, penyelidik mencadangkan istilah ini diperluaskan untuk pemandu kereta yang melakukan jenayah sama termasuk dalam kalangan pembuli jalan raya.

Sehubungan itu, pihak polis telah melabelkan mereka sebagai 'samseng jalanan' yang mempunyai alasan tersendiri untuk menukarkan istilah tersebut¹³. Penjenamaan semula istilah bertujuan memberi imej yang menggambarkan kegiatan samseng serta mengelak salah tanggapan penunggang motosikal biasa. Walau bagaimanapun, adalah wajar penggunaan samseng jalanan ini dilabelkan kepada pengguna motosikal yang melakukan jenayah seperti ragut, merompak dan sebagainya. Justeru, penyelidik mencadangkan istilah 'Mat Rempit' perlu ditukarkan kepada penggunaan istilah 'Samseng Jalanan' dan istilah ini perlulah diwar-warkan di media cetak dan elektronik. Ironinya, adalah bertujuan bagi mendapat respon masyarakat tentang kewujudan gejala yang semakin meruncing ini.

4. Kesimpulan

Gejala mat rempit kini bukan sekadar aksi tunggangan ekstrem di jalanan tetapi turut mengalami evolusi budaya yang turut merangkumi aspek penampilan seperti cara berpakaian, pertuturan serta pergaulan dan juga aspek dalaman yakni idealisme, kecenderungan serta nilai hidup. Aktiviti mat rempit juga bukan sekadar dikaitkan dengan kesalahan trafik malahan kesalahan jenayah umpamanya penyalahgunaan dadah, merompak, meragut dan sebagainya serta ketirisan akhlak seperti pergaulan bebas. Tentunya tidak adil untuk umum melabelkan semua mat rempit bersikap

¹² Saranan ini juga bersesuaian dengan keputusan yang dicapai oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang meminta pihak media dan pengeluar filem agar tidak mengagung-agungkan golongan berkenaan dengan memberi publisiti keterlaluan. Pihak Polis juga tidak mahu mempopularkan istilah 'Mat Rempit' kerana tidak mahu golongan ini mempunyai identiti sendiri dan bangga dengan identiti tersebut. Justeru, penyelidik berpendapat penggunaan istilah dan penghasilan filem aktiviti 'Samseng Jalanan' dianggap dapat laku jenayah dalam kalangan belia di negara ini.

¹³ Pelbagai pihak memberi pandangan berbeza mengenai langkah Polis mahu istilah 'Mat Rempit' ditukar kepada samseng jalanan. Kebanyakannya bersetuju dengan cadangan supaya kesalahan itu dikenakan hukuman yang lebih berat, termasuk penjara mandatori. Ini bermakna, apa-apa pun istilah digunakan yang penting adalah tindakan seterusnya bagi menangani gejala tidak sihat ini.

sedemikian rupa kerana ada sesetengahnya memang sekadar melibatkan diri dalam aktiviti bermotosikal tanpa sebarang unsur jenayah atau isu moral.

Namun pelbagai stigma negatif yang terpalit pada para mat rempit seakan tidak dapat dipadamkan daripada persepsi masyarakat kerana kerapnya berlaku insiden jenayah dan tidak bermoral yang melibatkan golongan bermotosikal. Dan persepsi sedemikian diperkukuhkan lagi apabila masyarakat mengalami sendiri insiden yang tidak diinginkan yang melibatkan golongan tersebut, apatah lagi jika ada kaum keluarga sendiri yang berkecenderungan sedemikian. Ia seakan kelihatan sebagai satu wabak virus sosial yang semakin merebak di kalangan golongan belia di negara kita khususnya remaja Melayu. Wabak ini perlu ditangani sebelum ia menjadi satu ancaman kepada keselamatan negara.

5. Penghargaan

Ribuan terima kasih diucapkan kepada individu-individu akademik berikut seperti Prof. Madya Dr. P. Sundramoorthy*, Dr. Premalatha**, Dr. Ong Beng Kok***, dan individu dari institusi pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) seperti YDH ACP Mior Faridalathra****, dan ASP Noh Idris***** yang telah banyak memberi maklumat dan kerjasama dalam penghasilan kertas kerja ini.

Nota:

* Penyelia utama.

** Penyelia kedua.

*** Pensyarah kanan di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan yang membantu dari sudut metodologi.

**** Ketua Polis Daerah Timur Laut, Pulau Pinang, Malaysia.

***** Ketua Turus Bahagian Trafik Daerah Timur Laut, Malaysia.

6. Rujukan

Barker, T. (2005). One percent bikers clubs: a description. *Trends in Organized Crime*, 9 (1): 101-112.

Barker, T. and Human, K. M. (2009). Crimes of the big four motorcycle gangs. *Journal of Criminal Justice*, 37: 174-179.

Clark, K. (2005). *Increasing violence of gang members a concern*. Prince Albert Daily Herald, p. 1.

McLaren, S (2004). *A 10 years nightmare: Authorities struggle to understand Indo-Canadian youth gangs*. Now, p. 1

Martine, M. (2008). *Teori-teori umum tentang perilaku menyimpang*. Dipetik dalam <http://etno06.wordpress.com/2012/103/19/teori-teoriumum-tentang-perilaku-menyimpang/>.

Muhamad Fuad Abdul Karim, Rokiah Ismail & Mohamad Fauzi Sukimi. (2009). Sub-budaya mat rempit dan perubahan sosiobudaya. *Malaysian Journal of Society and Space*, 5(3): 26-43.

Rozmi Ismail. (2004). *Gejala perlumbaan motosikal haram di kalangan remaja: peranan keluarga dan masyarakat dalam mengenai gejala ini*. Prosiding Seminar Kebangsaan Ke-3 Psikologi dan Masyarakat 2004. Pusat Teknologi Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. 4-5 Oktober 2004.

Rozmi Ismail. (2005). *Perlumbaan motorsikal haram di kalangan remaja*, dalam Prosiding Seminar Penyelidikan dan Pembangunan Generasi Muda UKM-KBS, 13-14 Disember, 2005, UKM, Bangi: 315-326.

Scott, N. (2005). *Gangs growing: Police*. Leader Post, Pg. A1

Van den Eynde, J. (2007). Depicting outlaw motorcycle club women using anchored and unanchored research methodologies. *The Australian Community Psychologist*. 19(1): 96-111.

Woods, A. (2004). *Toronto and its gangs*. National Post, p. A4